

Headline **FRIM anjur sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2011**
Date **15 Jun 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **246 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,838**
PRValue **32,513**



FRIM anjur sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2011

KEPONG: Dalam usaha menyemai rasa cinta terhadap alam sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2011 di sini, baru-baru ini.

Program disertai lebih 400 pengunjung itu dimeriahkan dengan pelbagai program menarik termasuk Eco Fun Walk, Nature Walk, Car Boot Sales, kitar semula dan pertandingan mewarna serta sesi bercerita oleh Kelab Erra Art.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata beliau berharap kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dapat dipupuk terhadap semua peserta yang mengambil bahagian.

Katanya, hutan simpan di sini yang berkeluasan 1,200 hektar dianggap 'penyelamat' kepada hampir dua juta penduduk Lembah Klang kerana bertindak menyedut gas karbon dioksida (CO₂) yang dilepaskan warga kota, sekali gus mengekalkan kesegaran udara kawasan sekitarnya.

"Warga kota perlu berterima kasih kepada hutan simpan FRIM yang memberi sumbangan besar dalam memelihara kualiti alam dan warisan hutan.

"Saya berharap masyarakat bersama-sama menjaga alam sekitar kerana tanpanya kita tidak boleh hidup," katanya melancarkan program Nature Walk.

Melalui program itu, pengunjung dibawa melawat keunikan hutan simpan FRIM serta didedahkan dengan pelbagai spesies pokok dan tumbuhan di hutan berkenaan.

Antara yang menarik sepanjang sejam berjalan di laluan hijau itu adalah peluang mengenali spesies pokok balak termasuk cengal, meranti dan kapur selain berpeluang menyaksikan pemandangan

Avatar diambil sempena nama filem popular tahun lalu.

Dr Abd Latif berkata, FRIM juga adalah satu-satunya hutan di Malaysia yang diiktiraf sebagai Tapak

Warisan Semula Jadi Negara.

"Selain itu, FRIM yang asalnya bekas lombong bijih timah adalah hutan tropika buatan manusia terbesar di dunia sejak dibina pada 1929," katanya.

Sementara itu, seorang pesara,



Saya berharap masyarakat bersama-sama menjaga alam sekitar kerana tanpanya kita tidak boleh hidup

Abd Latif Mohmod
Ketua Pengarah FRIM

K Gunaseelan, 57, menganggap program Nature Walk amat baik kerana menyedarkannya mengenai kepentingan menjaga alam sekitar terutama hutan.

"Ini adalah kali pertama saya ke sini. Sebaik melangkah masuk, saya kagum dengan keindahan kawasan ini dan akan datang lagi pada hujung minggu untuk beriadah bersama keluarga," katanya yang turut ditemani anak perempuannya.



ABD LATIF (kiri) melancarkan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat FRIM 2011.